

03 DEC 1996

Mahathir-Global

HEGEMONI ASIA BARU SEKADAR BAYANGAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A. Hulaimi

THE HAGUE, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebarang andaian mengenai penguasaan Asia dalam alaf baru adalah sekadar "satu bayangan ditutupi oleh keangkuhan yang melampau".

Perdana Menteri berkata banyak pihak khususnya di Asia berpendapat abad akan datang akan menjadi abad untuk Asia yang akan mewarisi masa depan dan menguasai dunia.

Ini tidak akan berlaku dan penduduk Asia tidak seharusnya berusaha ke arah bentuk penguasaan baru seperti ini kerana era imperialisme dan hegemoni telah berlalu, kata beliau ketika berucap pada persidangan Global Panel di sini hari ini.

Persidangan itu yang memberi tumpuan kepada Malaysia tahun ini dihadiri oleh tokoh-tokoh politik dan perniagaan.

Dr Mahathir, yang tiba semalam, akan turut melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Belanda sebelum berlepas ke Arab Saudi pada 5 Dis.

Dr Mahathir dijadual melawat syarikat pesawat Fokker, pusat tenaga solar dan institut kenderaan jalan dan pelabuhan Rotterdam.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Belanda Wim Kok dan menghadap Ratu Beatrix.

Selepas berucap di Global Panel hari ini, beliau mengadakan perbincangan dengan Putera Mahkota Jordan, Putera Hassan Talal, yang juga berucap di persidangan itu, di hotel Kurhaus yang berdekatan.

Dr Mahathir berkata buat pertama kali satu abad baru mungkin akan wujud tanpa mana-mana negara, masyarakat atau rantau yang akan mewarisi masa depan yang perlu dibina berasaskan kepada kerjasama antara negara bagi membawa kemakmuran kepada semua.

Dengan memetik semula satu ungkapan oleh Adam Smith, penulis buku "The Wealth of Nations" yang dianggap sebagai asas ekonomi moden, beliau berkata kunci kepada matlamat ini ialah perubahan minda ke arah berfikir secara "bahu yang tidak nampak".

Perdana Menteri berkata dengan bercakap menentang "Abad Asia" beliau bukan bermaksud bahawa Asia tidak bangkit ataupun tidak perlu bangkit, tetapi mahukan kemakmuran ini dikongsi bersama oleh semua untuk faedah dunia.

Beliau berkata pelaburan asing diperlukan dan hanya mereka yang buta dan bodoh saja yang tidak mengetahui bahawa proses belajar dari Barat akan berterusan.

Asia, katanya, telah menyaksikan perubahan kebudayaan asas dan telah menemui semula maruah dirinya setelah berkurun-kurun berada di bawah kuasa Barat.

Dalam menjelaskan semangat baru ini, beliau berkata: "Buat pertama kalinya dalam sejarah dunia, terdapat unsur kesedaran serantau yang berbangkit di Asia Timur dan unsur kebanggaan Asia yang berbangkit di seluruh Asia.

"Terdapat satu perubahan asas dalam keupayaan dan pemberian kuasa. Juga terdapat perubahan asas dalam hati dan pemikiran."

Beliau berkata banyak ramalan yang dibuat oleh pakar-pakar mengenai Asia yang terbukti silap, daripada keraguan mengenai keupayaan negara-negara yang baru muncul untuk terus menikmati kepesatan sebegitu pantas dalam tempoh yang lama tanpa kehilangan minat atau rebah kerana kepenatan, kepada ramalan dahsyat oleh wartawan Barat "yang berilmu tinggi" bahawa Asia Tenggara akan jatuh satu persatu sejurus selepas kejatuhan

Vietnam.

"Sehingga tahun 1980, hanya 16 tahun lepas, KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) serantau ekonomi Asia Timur berjumlah kurang daripada dua pertiga daripada jumlah KDNK Eropah Barat atau Amerika Utara.

"Menjelang tahun 1990, Asia Timur sebagai sebuah rantau sudah menjadi tiga perempat saiz Eropah Barat dan Amerika Utara. Sekarang terdapat persetujuan bahawa menjelang tahun 2000, ketiga-tiga ekonomi serantau akan menjadi hampir sama besar," kata beliau.

Sekarang ramai yang percaya bahawa menjelang tahun 2030, ekonomi serantau Asia Timur akan menjadi sebesar Eropah Barat dicampur dengan Amerika Utara.

Dr Mahathir kemudiannya menyenaraikan banyak lagi ramalan daripada badan-badan berwibawa mengenai pertumbuhan ekonomi Asia Timur yang cemerlang pada masa depan.

Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan bahawa pada tahun-tahun 1990'an, AS\$5.7 trilion akan ditambah kepada pengeluaran kasar barangan dan perkhidmatan dunia, separuh daripadanya akan dikeluarkan oleh Asia Timur.

Kesatuan Eropah percaya bahawa separuh daripada pertumbuhan perdagangan dunia sehingga tahun 2000 akan dijana di Asia Timur, dan 300 juta penduduk Asia Timur pada waktu itu akan mempunyai purata pendapatan setinggi, mungkin lebih tinggi, daripada rakan mereka di Eropah atau Amerika Syarikat.

"Adakah tidak menghairankan bahawa dalam masa yang lama sekarang Eropah telah mengeksport dengan jumlah yang lebih ke Asia Timur daripada ke Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat telah mengeksport dengan lebih banyak ke Asia Timur daripada ke Eropah?"

"Adakah tidak menghairankan sekiranya Jepun pula mengeksport lebih ke bahagian Asia Timur yang lain, dari eksportnya ke Eropah atau Amerika Syarikat?"

"Untuk pengetahuan, Amerika mengeksport lebih ke negara saya yang kecil dengan jumlah pengguna sebanyak 20 juta daripada ke seluruh Eropah dan Rusia. Bagi Amerika, daripada segi eksport, kami adalah tiga kali ganda lebih besar daripada Rusia."

Bagi menggantikan "Abad Asia" yang tidak mungkin terjadi, Dr Mahathir berkata beliau dapat melihat senario lebih baik, lebih diutamakan, daripada segi ekonomi.

Senario ini termasuk dinamisme luas Eropah yang didapatinya semula, pelancaran semula ekonomi Amerika Syarikat yang berasaskan kepada keusahawanan dan daya saingnya yang menakjubkan, kebangkitan Asia "melompat dari sumber manusianya yang tidak terhad, keupayaan untuk bekerja keras dan usaha di luar kebiasaan manusia apabila diberi motivasi", dan pembangunan sumber Afrika yang luas oleh penduduk Afrika dan dunia keseluruhannya.

Senario untuk dunia lebih baik ini juga bermakna bahawa mereka akan melupakan apa yang beliau sifatkan sebagai "konfrantasi bodoh yang diwarisi dari perang salib".

"Hentikan mengaitkan Islam dengan keganasan kerana kita semua tahu penganut Kristian, Yahudi dan Buddha telah meletupkan lebih banyak bangunan dan membunuh lebih ramai manusia daripada orang Islam.

"Yang sebenarnya, kaedah dan cara keganasan telah dicipta di Eropah dan Amerika. 'Perang salib' masa depan ialah perjuangan untuk memperbaiki dan membina semula," katanya. -- BERNAMA

WAH WAT MAI